UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PROSIDING



Seminar INSIGHTS 2002
Universiti Teknologi MARA

BRC (Biro Penyelidikan & Perundingan), Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam

Biro Penyelidikan dan Perundingan
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor
Malaysia

© 2001. Biro Penyelidikan dan Perundingan. Hak cipta Terpelihara.

Sila majukan sebarang pertanyaan kepada:

Penolong Naib Canselor(Penyelidikan)
Biro Penyelidikan dan Perundingan
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor, Malaysia

Tel : 603 5544 2094 / 2093 / 2092
Fax : 603 5544 2096
e-mel : azniz132@salam.uitm.edu.my



Jawatankuasa Penyunting

Penaung	:	Y. Berbahagia Datuk Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah Naib Canselor Universiti Teknologi MARA
Penasihat	:	Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Abdul Halim Mohd.Nawawi Timbalan Naib Canselor (Pembangunan dan Penyelidikan Universiti Teknologi MARA
Ketua Penyunting	:	Prof. Dr. Azni Zain Ahmed Penolong Naib Canselor(Penyelidikan) Universiti Teknologi MARA
Penyunting	:	Prof. Madya Dr. Zainon Mohd. Noor Koordinator Penyelidikan (Sains dan Teknologi) Prof. Madya Dr. Rosmimah Mohd.Noor Kooordinator Penyelidikan (Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan)
Lembaga Penyunting:		Prof. Madya Ir. Dr. Hj. Abdul Rahman Omar Dr. Rashidah Abd. Rahman Cik Dapeah Ahmad

KAJIAN KECICIRAN DI KALANGAN PELAJAR SARJANA MUDA YANG MENGIKUTI PROGRAM PENDIDIKAN SECARA JARAK JAUH (PJJ) DAN PENDIDIKAN FLEKSIBEL (FLP) UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Nor Aziah Alias
Haziah Jamaludin
Salemah Ismail
Pusat Perkembangan Pendidikan

ABSTRAK

Kajian mengenai pola dan faktor keciciran di kalangan pelajar sarjana muda PJJ (Pendidikan Jarak Jauh –mod biasa) dan FLP (Flexible Learning Programme – mod berasaskan World Wide Web) Universiti Teknologi MARA dijalankan dengan mengambilkira keciciran yang berlaku sepanjang semester Julai- November 1998 hingga Januari- Mei 2000. Keciciran dalam konteks ini dtakrifkan sebagai kesukaran yang dihadapi sehingga berlaku salah satu atau lebih daripada fenomena berikut:

- *Gagal mata pelajaran*
- *Gugur mata pelajaran*
- *Tidak Hadir Peperiksaan*
- *Berhenti*

Bahagian pertama kajian menyorot dokumen- dokumen seperti keputusan peperiksaan, senarai berhenti dan senarai permohonan bercuti bagi mendapatkan gambaran mengenai pola dan profail pelajar yang cicir. Keciciran lebih ketara di kalangan pelajar FLP, dalam mata pelajaran Kewangan dan berbentuk "Tidak Hadir Peperiksaan". Keciciran di kampus induk juga lebih ketara berbanding kampus cawangan.

Dalam bahagian kedua, para pelajar yang dikenalpasti telah mengalami salah satu daripada kejadian cicir yang disenaraikan di atas diberi soal selidik yang bertujuan mengenalpasti faktor-faktor berlakunya keciciran. Kajian eksplorasi menggunakan analisis faktor ini mendapati faktor-faktor utama yang mendorong kepada keciciran merupakan faktor ***kesediaan diri, sokongan*** *dan* ***persekitaran belajar****. Kesediaan diri juga melibatkan jangkaan yang terlalu tinggi yang telah diletakkan oleh pelajar ke atas sistem pembelajaran jarak jauh UiTM. Terdapat sedikit perbezaan antara faktor-faktor yang dijelmakan oleh pelajar PJJ dan FLP. Faktor masalah peribadi timbul di kalangan pelajar FLP sementara faktor tidak bersedia menghadapi peperiksaan dijelmakan oleh pelajar PJJ.*

Cadangan diberi di akhir laporan bagi tujuan menangani kadar keciciran yang tinggi (43.91% secara purata) terutamanya dari segi sistem sokongan dan induksi pelajar.

PENGENALAN

Program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) Universiti Teknologi MARA (UiTM) bermula sejak tahun 1990 lagi. Selain menawarkan program PJJ yang berasaskan bahan pembelajaran bercetak, Pusat Pendidikan Lanjutan telah mengorak langkah memperkenalkan penggunaan teknologi internet terkini melalui program *Flexible Learning Programme (FLP)* dalam tahun 1998. Setelah lebih dua tahun dilancarkan, UiTM akan menyaksikan kejayaan graduan program FLP dalam sedikit masa lagi.

Sebagai *performance indicator*, kadar keciciran juga mampu memberi maklumat tentang kualiti pakej pembelajaran yang ditawarkan. Sebagai salah satu *indicator* penting dalam mengukur keberkesanan program, kadar keciciran dijadikan asas kajian ini. Kadar keciciran di kalangan pelajar PJJ dan FLP dianggar lebih tinggi daripada kadar keciciran pelajar sepenuh masa kursus yang sama.

PERNYATAAN MASALAH

Kadar cicir yang dipandang tinggi jika dibanding dengan kadar cicir pelajar yang mengikuti program sepenuh masa. Keciciran yang berlaku mempamerkan kualiti program pendidikan jarak jauh UiTM. Mereka yang mempunyai potensi belajar secara jarak jauh diUiTM akan mendapat gambaran negatif mengenai program-program yang ditawarkan. Selain itu, kadar cicir yang tinggi menghalang *retention* dan pertambahan bilangan pelajar, sekali gus, melambatkan pencapaian sasaran UiTM.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ialah

- Menentukan kadar keciciran pelajar sarjana muda PJJ dan FLP
- Menentukan pola keciciran di kalangan pelajar pendidikan jarak jauh UiTM dari segi :jantina, program, lokasi kampus,. mod pembelajaran, peringkat pengajian
- Mengenalpasti faktor-faktor keciciran di kalangan pelajar sarjana muda PJJ dan FLP
- Membuat perbandingan faktor keciciran di antara pelajar sarjana muda PJJ dan pelajar sarjana muda FLP

REKABENTUK DAN METODOLOGI PENYELIDIKAN

Untuk mengkaji pola keciciran, maklumat didapati daripada keputusan peperiksaan Oktober 1998, April 1999, Oktober 1999 dan April 2000. Untuk bahagian yang kedua pula maklumat didapati melalui soal selidik yang telah diolah sendiri dan juga melalui temubual dan komen bertulis pelajar.

Untuk kajian pola, penyelidikan dokumen dijalankan. Maklumat mengenai pelajar PJJ dan FLP yang cicir iaitu mereka yang mengalami sekurang-kurangnya gagal satu matapelajaran. Pelajar yang menggugurkan mata pelajaran, berhenti atau tidak hadir sekurang-kurangnya satu matapelajaran juga dianggap cicir. Data ini didapati daripada borang LE 15 iaitu senarai keputusan peperiksaan semester. Keputusan ini didapati dari Shah Alam dan semua kampus cawangan yang mengendalikan PJJ dan FLP kecuali Sabah dan Sarawak melalui koordinator-koordinator Pusat Pendidikan Lanjutan yang bertugas di cawangan berkenaan. Data-data yang diperolehi telah dimasukkan ke dalam perisian Microsoft Excel dan dianalisis menggunakan pakej statistik XL Stat. Penganalisisan kadar keciciran dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu kadar keciciran mengikut matapelajaran, kampus, jantina, kaedah(moda) iaitu PJJ dan FLP, program iaitu BBA(F) dan BBA(M), bentuk iaitu gagal peperiksaan, berhenti atau tidak hadir peperiksaan dan juga menurut semester-semester yang dikaji. Arahalir keciciran juga didapati dengan menganalisis kadar keciciran di kalangan kelompok pelajar yang sama dimana prestasi mereka dipantau daripada semester pertama hingga ke semester tiga.

Kajian untuk bahagian kedua ini dijalankan dengan dua cara. Pertama ialah kajian 'deskriptif' yang bertujuan untuk mendapatkan gambaran atau profail pelajar yang cicir. Cara yang kedua ialah tinjauan atau kajian 'exploratory' yang dijalankan bagi tujuan mendapatkan faktor-faktor yang mungkin menyebabkan keciciran. Pakej yang digunakan untuk menganalisis data untuk bahagian ini ialah SPSS – Analisis Faktor.

Selain analisis faktor, analisis kandungan juga dijalankan ke atas komen dan hasil temubual dengan pelajar. Dalam proses ini, beberapa kata kunci dicari dan pandangan serta komen pelajar dikategori menurut kata kunci tersebut. Antaranya ialah pensyarah, pengurusan, sistem, lokasi, diri dan tanggungjawab.


Populasi kajian merupakan semua pelajar PJJ dan FLP yang meninggalkan pengajian, gagal, gugur mata pelajaran dan tidak hadir peperiksaan sejak dari mula program ditawarkan. Untuk peringkat kedua 148 soalselidik telah diedarkan. Daripada bilangan ini 44 telah memberi maklumbalas – 27 PJJ dan 17 FLP.


DAPATAN DAN ANALISIS DATA


Bilangan Pelajar Cicir Dan Peratus Keciciran Dalam Tempoh Yang Dikaji

Semester	**Daftar**		CICIR	
	Cawangan	S. Alam	Cawangan	Shah Alam
Oktober 1998	126	35	71	11
	28	31	10	10
Kadar cicir: 46.3636 %				
April 1999	71	98	24	56
	247	103	129	46
		53		29
Kadar cicir: 49.6503%				
Oktober 1999	57	78	21	41
	230	85	65	50
	54	99	26	49
		129		62
Kadar cicir: 42.8962%				
April 2000	84		19	
	169		47	
	85	106	43	45
	31	85	8	53
Kadar cicir: 38.3929 %				
KESELURUHAN				
Kadar cicir : 43.91%				

Berikut adalah carta-carta menunjukkan kadar keciciran menurut kampus, semester, jantina dan matapelajaran.







Kadar cicir menurut jantina dan kampus

Dataset		
Kampus	*Female Perempuan*	*Male Lelaki*
Arau	46.00	44.53
Perak	23.13	30.45
Kuantan	10.53	21.67
Machang	52.38	45.31
Dungun	50	77.42
Alor Gajah	41.17	42.86
Shah Alam	48.55	44.81

Kadar Cicir Menurut Bidang

Bidang	**Kadar cicir (%)**
Pemasaran (*Marketing*)	18.52
Pengurusan (*Management*)	26.54
Ekonomi	26.34
Kewangan *(Finance*)	40.57
Analisis Kuantitatif (*Quantitttative Analysis*)	27.36
Perakaunan (*Accounting*)	20.57
Komputer	28.71

Kes Cicir Menurut Bentuk Di Setiap Kampus

Kampus	**Tidak HadirPeperiksaan**	**Gagal**
S.Alam	526	305
Arau	107	64
Kuantan	19	20
Machang	86	15
Dungun	33	41
Melaka	101	47
Perak	196	104

Analisis faktor tinjauan

Daripada analisis ini bolehlah di bandingkan faktor yang mempengaruhi keciciran diantara PJJ dan FLP seperti berikut:

	PJJ	**FLP**
Faktor 1	Sokongan dan kesediaan diri	Persekitaran Belajar dan Kesediaan diri
Faktor 2	Persekitaran Belajar	Sokongan
Faktor 3	Persediaan untuk peperiksaan	Akademik dan peribadi

Aturan (*Ranking*) Faktor Keciciran oleh Pelajar

Faktor Keciciran Menurut Ranking Responden (Keseluruhan)

Rank by Frequency		**Rank by univariate scaling**	
	%		**Nilai**
Beban	39.50%	Beban	2.03
Akademik	31.60%	Akademik	1.56
Persekitaran	23.70%	Persekitara n	1.54
Sokongan	5.26%	Sokongan	0.92

Bandingan faktor yang disusun pelajar FLP dengan faktor yang diekstrak melalui analisis faktor

FLP	**Susunan Pelajar**	**Analisis Faktor**	**Item-item yang diekstrak**
Faktor 1	Beban Persekitaran	Beban dan persekitaran belajar	Tidak tahu strategi belajar Tiada waktu sesuai belajar Tidak sesuai dengan pembelajaran begini Masa yang diperuntukkan Tiada jadual belajar Tidak berupaya sempurna tugasan Jangkaan gagal dalam peperiksaan Jumlah jam kredit tinggi Beban tempat kerja Bertukar tempat kerja Tanggungjawab bertambah
Faktor 2		Sokongan	Maklum balas lambat daripada pensyarah Kurang sokongan daripada pensyarah Pensyarah sukar dihubungi Modul sering lewat Kandungan modul tidak membantu Masalah perjalanan ke lokasi seminar
Faktor 3	Akademik	Akademik dan Peribadi	Tidak dapat manfaat daripada seminar Jarang membaca modul Jarang hadir seminar Segan bertanya pensyarah Tidak sedia hadapi peperiksaan Masalah rumah tangga/peribadi Masalah kewangan Kesukaran mata pelajaran Gred rendah sepanjang semester

KESIMPULAN

Kajian menunjukkan bahwa keciciran paling ketara berlaku dikalangan pelajar FLP, dikalangan pelajar yang mendaftar di kampus induk , mata pelajaran kewangan (*Finance)* dengan keciciran paling ketara dalam bentuk " tidak hadir peperiksaan".

Hipotesis yang meletakkan empat faktor iaitu persekitaran belajar, beban, peribadi/ sokongan dan akademik sebagai faktor-faktor keciciran di kalangan pelajar diterima dengan wujudnya item-item yang berkenaan di dalam analisis faktor yang dijalankan. Walau bagaimanapun, kebanyakan faktor dijelmakan dalam kategori yang berbeza daripada apa yang ditetapkan pada awal kajian.

Kajian mendapati faktor keciciran yang paling ketara di kalangan pelajar PJJ dan FLP yang mengikuti program pendidikan jarak jauh BBA(M) dan BBA(F) UiTM ialah kesediaan diri atau *preparedness.* Faktor ini melibatkan kesediaan diri dari segi penjadualan dan pengagihan masa serta kefahaman mengenai kaedah belajar secara kendiri dalam program pendidikan jarak jauh. Memandangkan pelajar pendidikan jarak jauh merupakan pelajar matang yang mengikuti pengajian secara rela, perkara ini seharusnya kurang ketara.

Ketidaksediaan pelajar digandingkan dengan jangkaan yang tinggi dan kebergantungan kepada pensyarah merupakan gabungan utama pelajar meninggalkan pengajian. Soal *phobia* atau ketidakselesaan menggunakan teknologi baru tidak timbul. Meskipun rasa jengkel terhadap sistem wujud apabila berlaku masalah teknikal, faktor ini bukan antara faktor yang ketara.

Secara keseluruhan, 46.581% (PJJ) dan 55.081 (FLP) varians di jelaskan oleh faktor-faktor kesediaan diri, persekitaran belajar, sokongan pensyarah, persediaan menghadapi peperiksaan , masalah akademik dan masalah peribadi.

CADANGAN

Disarankan penyelidikan diteruskan dengan menggunakan *Confirmatory Factor Analysis* dengan kategori faktor seperti berikut:

Faktor Kendiri, Faktor Persekitaran Belajar, Faktor Kursus (Course Related Factor), Faktor Beban dan Sokongan Sistem Sokongan Pelajar

Perlu disediakan satu sistem sokongan pelajar yang mantap dan berciri melatih pelajar menjadi pembelajar kendiri dan lebih bertanggungjawab terhadap halatuju pencarian ilmu masing-masing. Pendidikan jarak jauh bererti pelajar tersisih daripada rakan belajar dan pensyarah. Walau bagaimanapun , talian sokongan yang menjanjikan maklumbalas dalam tempoh 10 jam (paling lama) akan merangsang pelajar menghubungi pengajar melalui mel elektronik, telefon atau faksimili apabila berhadapan

dengan masalah akademik. Lebih berkesan lagi sekiranya sistem telefon dengan khidmat *answering service* disediakan agar pelajar boleh meninggalkan pesanan kepada pensyarah yang berkenaan.

Program induksi di awal pengajian perlu diatur dengan teliti supaya ianya lebih berkesan. Meletakkan pelajar dalam dewan untuk mendengar ceramah selama 1 atau 2 jam bukan cara terbaik untuk memperkenalkan mereka kepada sistem pembelajaran yang berbeza ini. Penyediaan *"tester package"* yang boleh dicuba oleh pelajar sebelum mendaftar memberi mereka sedikit sebanyak pengalaman dalam persekitaran belajar tidak konvensional ini.

LATIHAN PENGAJAR DAN FASILITATOR

Perkara penting yang perlu diberi perhatian merupakan pemilihan pengajar dan fasilitator kursus yang ditawarkan. Para pengajar perlu memenuhi beberapa kriteria sebelum mereka diberi kontrak untuk mengajar. Ini termasuk soal masa dan kemahiran komputer. Pengajar juga perlu terdiri daripada mereka yang tahu tentang keupayaan internet dalam pencarian maklumat yang akan memperkayakan ilmu yang sedang dipelajari pelajar. Pengajar juga mesti meluangkan masa untuk berhubung dengan pelajar. Perbuatan menggunakan sistem sekali seminggu tidak berkesan bagi pembelajaran dalam talian. Maklumbalas cepat dan tepat merupakan unsur pembelajaran dalam talian yang mesti diutamakan. Hanya dengan cara ini, pembelajaran menjadi lebih seronok dan bermakna.

Pengajar juga perlu dilatih andragogi mendidik pelajar matang. Mereka perlu bertindak sebagai fasilitator yang bukan sahaja menawarkan khidmat akademik tetapi juga bertindak sebagai "jurulatih" yang melatih pelajar menjadi pembelajar seumur hidup yang cintakan ilmu. Sehubungan dengan itu, pengajar sendiri disaran menghadiri sesi latihan untuk meningkatkan kemahiran mengajar dan berinteraksi dengan pelajar matang dalam talian. Program latihan yang tersusun disaran untuk semua pengajar dan fasilitator. Rangka untuk program dicadangkan.

KAJIAN LANJUTAN

Beberapa bidang boleh diterokai berikutan kajian ini. Disarankan beberapa tajuk kajian lanjutan seperti: Kecekalan Pelajar Dalam Persekitaran Belajar Tidak Konvensional: Faktor *self regulation* dan *self efficacy* di kalangan pelajar pengajian jarak jauh; Keberkesanan sistem sokongan pelajar; Kajian keciciran di kalangan pelajar diploma; Kajian keciciran pelajar PJJ / e PJJ UiTM secara keseluruhan; Pembentukan model keciciran pelajar PJJ/ ePJJ; Perbandingan keciciran antara institusi yang menawarkan program pengajian secara jarak jauh atau dalam talian.

RUJUKAN

Alias, N.et al, (1998) faktor rangsangan yang Mempengaruhi MinatBelajar Pelajar Sekolah Menengah dalam Matapelajaran sains: Kajian Terhadap Penggunaan Ciri Utama Teknologi WWW, Projek PIER -World Bank, Kementerian Pendidikan Malaysia

Alias, N.A. & Jamaludin, H. (1997) Quality in Student Support, Paper presented at the Association of Asian Open Universities (AAOU) Conference , K.Lumpur.

Bandura, A. !1977) Self Efficacy: Toward a unifying Theory of Behavioural Change, Psychological Review, 84, 191-215.

Berge, Z.L& Muilenberg, L. (2001). Barriers in Distance Education : A Factor Analytic Study, The American Journal of Distance Education, 15(1)

Comfrey, A.L(1973), A First Course in Factor Analysis, New York:Academic Press

Fjortoft, N.F(1996) Persistence in a Distance Learning Program: A Case in Pharmaceutical Education, The American Journal of Distance Education, 10(3)